

Headline **UTM terima anugerah emas di pameran antarabangsa**
Date **15. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
Section **Dlm Negeri** Article Size **115** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



UTM terima anugerah emas di pameran antarabangsa

JOHOR BAHRU 14 April - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terus mengharumkan nama negara apabila menerima anugerah emas pada Pameran Antarabangsa Mereka Cipta Teknik Baru dan Produk di Geneva pada 2 hingga 6 April lalu.

Pengarah Pusat Komunikasi Wayarles, Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM, Prof. Dr. Tharek Abd. Rahman berkata, anugerah tersebut diraih menerusi ciptaan Capaian Wayarles Mudah Alih Jalur Lebar.

Selain itu, menurut beliau, ciptaannya itu turut menerima anugerah khas daripada Qazvin Islamic Azad University, Iran.

Beliau berkata, produk tersebut boleh digunakan di lokasi luar bandar walaupun tanpa infrastruktur capai Internet kerana ia mampu menukar capaian 3G atau GPRS ke WiFi.

"Ciptaan yang mengambil masa setahun itu mempunyai perisian yang boleh memastikan capaian Internet lebih efisien dan boleh dijadikan sebagai prabayar," katanya kepada pemberita di UTM Skudai, di sini hari ini.

Tharek memberitahu, ciptaannya itu dapat menguruskan spektrum frekuensi dengan lebih baik dan sebab itu ia berbeza daripada produk sedia ada dalam pasaran kini.

Menurutnya, alat tersebut juga boleh digunakan oleh penumpang dalam kenderaan perjalanan jauh seperti bas atau kereta api.

"Alat ini boleh digunakan seperti telefon mudah alih dan ia boleh menggunakan sel solar di kawasan luar bandar yang tidak ada bekalan elektrik," katanya.

Pada pameran tersebut Tharek turut menerima anugerah perak untuk produk Akses Internet Sistem Wayarles Capaian Mudah Alih Jalur Lebar.

Menurutnya, UTM telah menghantar lapan produk, hasil ciptaan empat pencipta dan tujuh daripadanya menerima anugerah perak dan gangsa.

Selain UTM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut menyertai pameran tersebut.